

**Kekkejamanan di Gaza**

# simbol kekuatan Israel, Amerika

Dunia Islam sepatutnya menghargai dan mencontohi

**K**emenangan Hamas dalam pilihan raya Palestin yang julung-julung kali diadakan pada Februari 2006 memberi satu kejutan kepada dunia khususnya barat yang diterajui oleh Amerika Syarikat (AS).

Mereka sama sekali tidak menyangka sebuah pertubuhan yang mereka labelkan sebagai pengganas itu berjaya meraih undi terbanyak daripada rakyat Palestin sehingga mendapat mandat selesa untuk membentuk kerajaan Palestin (Palestine Authority-PA).

Amerika yang terkejut dengan prestasi Hamas terus memainkan peranannya mempengaruhi pandangan umum masyarakat antarabangsa supaya menekan Hamas untuk melucutkan senjata, mengekalkan semua perjanjian 'damai' yang telah dimeterai bersama Israel semasa di bawah pentadbiran PA yang lalu dan mengiktiraf Israel.

Demi untuk memberi tekanan terus menerus kepada Hamas yang mendapat sokongan padu dari rakyat Palestin, Amerika menghentikan bantuan kewangan kepada kerajaan PA dan bertindak meminta supaya bantuan yang disalurkan sebelumnya dikembalikan.

Bermula dari detik kelahiran entiti haram Israel pada 15 Mei 1948, kira-kira 800,000 rakyat Palestin diusir dari tanah air mereka setelah pengganas-pengganas Yahudi yang dibiaya oleh barat melakukan pembunuhan kejam beramai-ramai melalui aksi-aksi teroris ke atas penduduk Palestin.

Rakyat Palestin yang terusir itu terus menjadi pelarian di Lubnan, Syria, Jordan, dan di Gaza dan terus menggantung harapan untuk kembali ke tanah air yang menjadi hak mereka seutuhnya tanpa pernah berputus asa. Kini jumlah pelarian Palestin sudah mencecah lebih dari lima juta orang.

Mengikut catatan sejarah, orang Yahudi ini tidak mempunyai negara sendiri serta tanah dan mereka ini menumpang di negara-negara Eropah, namun ia mengundang masalah kepada masyarakat Eropah. Kebanyakan orang di Eropah ini tidak mahu Yahudi menetap di negara mereka. Justeru, Barat telah mencadangkan beberapa negara di dunia untuk dijadikan negara bagi bangsa Yahudi.

Bagi mengatasi masalah ini, pada 1917 kerajaan British melalui perjanjian Balfour telah menyerahkan sebahagian daripada Palestin (yang merupakan jajahan British pada masa itu) kepada Zionis untuk dijadikan negara bagi orang Yahudi. Bagaimanapun, penyerahan tersebut berlaku tanpa kerelaan penduduk asal Palestin.



Antara mangsa korban di Hospital Al-Shifa selepas Israel menyerang Gaza.

Semenjak 60 tahun dahulu hingga ke saat ini, Barat terutama sekali AS menunjukkan sikap yang berat sebelah apabila berdepan dengan masalah rakyat Palestin. Hasil daripada sikap ini telah menyebabkan semua bentuk perjanjian damai yang dimeterai akhirnya menemui kegagalan. Kononnya bagi menjaga keselamatan Israel, AS dan kroninya membiarkan saja rejim Zionis melakukan apa saja terhadap rakyat Palestin walaupun jelas melanggar hak-hak asasi manusia.

Kesengsaraan ketara berlaku bermula di Jalur Gaza dengan tembok batu yang mengelilinginya dan berbagai-bagai sekatan dikenakan seperti sekatan ekonomi, sekatan mendapatkan rawatan perubatan dan sekatan bahan api untuk menjalankan jana kuasa elektrik.

Jalur Gaza kini telah bertukar daripada sebuah penjara yang besar menjadi sebuah 'neraka' kepada rakyat Palestin sendiri.

Lebih malang lagi bagi rakyat Palestin apabila negara Arab sendiri tidak mepedulikan nasib rakyat Palestin di Jalur Gaza yang menderita menjadi mangsa kekejaman rejim Zionis.

Ini berlaku kerana orang Yahudi ini mempercayai bahawa mereka mempunyai



ISHAK ABDUL HAMID

hak untuk merampas dan menjajah tanah orang Arab dan menghalalkan penindasan terhadap rakyat Palestin yang telah pun hidup di dalam keadaan serba kekurangan dan tertekan.

Rejim Zionis telah membina tembok pemisah kononnya pada asalnya untuk menghalang rakyat Palestin daripada menyerang penduduk Israel, namun kini bertukar menjadi penjara kepada rakyat Palestin. Realitinya, pembinaan tembok berkenaan menyebabkan banyak tanah milik rakyat Palestin telah dirampas. Walaupun mahkamah antarabangsa mengharamkan pembinaan tembok ini kerana menyalahi Piagam Geneva Keempat (Fourth Geneva Convention), namun tidak diendahkan oleh Israel.

Menurut kenyataan bekas Presiden Amerika Syarikat ke-39, Jimmy Carter dalam buku penulisannya bertajuk Palestine: Peace Not Apartheid, Hamas adalah sebuah pergerakan pembebasan rakyat yang sah dan bukan pertubuhan pengganas seperti yang dilabel oleh rejim Zionis dan AS.

Beliau turut menegaskan bahawa rejim Israel dan AS mesti menerima Hamas sebagai rakan runding dalam apa-apa perjanjian damai bagi tujuan mencapai keamanan.

Dunia Islam sepatutnya menghargai dan mencontohi usaha mulia Jimmy Carter ini kerana beliau sanggup menerima kecaman daripada kerajaan negaranya sendiri dan rejim Zionis semata-mata ingin melihat semua rakyat Palestin mendapat hak dan pembelaan yang adil.

Visi dan misi Zionis Israel ini bukan setakat mahu menghancurkan Hamas malah seluruh rakyat Palestin yang menentang mereka. Israel mungkin berjaya menghancurkan Gaza tetapi sama-sekali gagal untuk melemah dan membunuh semangat untuk hidup di kalangan seluruh rakyat Palestin. Yang pastinya, kaum Yahudi ini akan terus memusuhi orang Islam dan cuba untuk menghapuskan umat Islam dari bumi Palestin ini.

Serangan terhadap Gaza kali ini dilihat begitu dahsyat disebabkan rejim Zionis Israel mahu membangunkan empayar mereka di Timur Tengah yang berpusat di wilayah Gaza ini. Wilayah Gaza ini juga merupakan Benteng Pertahanan Terakhir bagi Hamas. Maka, sebab itulah puak rejim Zionis ini melancarkan serangan yang hebat terhadap wilayah ini dengan tujuan untuk menawan dan memudahkan pelaksanaan rancangan mereka bagi membangunkan empayar tersebut serta menempatkan semula tentera mereka di situ. Sudah terlalu banyak serangan dibuat terhadap masjid dan rumah kediaman yang bertujuan untuk melemahkan semangat juang rakyat Palestin untuk terus hidup dan dengan harapan mereka akan bangkit semula dan menentang pula para pejuang Hamas. Namun apa yang diharapkan oleh rejim Zionis ini tidak kesampaian malah semakin ramai rakyat Palestin yang bangkit dan membuat serangan balas terhadap mereka. Ada juga di kalangan individu yang menyebut bahawa serangan pada kali ini bukan setakat mahu menghancurkan Hamas malah untuk menjatuhkan Presiden Mahmud Abas dari tampok kekuasaannya.

## Kebiasaan Israel melampaui peradaban manusia

**SEHINGGA gencatan senjata berkuatkuasa, korban kekejaman Israel ke atas rakyat Palestin mencecah lebih 1,300 orang. Ratapan ibu yang kehilangan suami dan anak serta tangisan anak yang kehilangan ibu bapa berada di mana-mana dan terus kedengaran.**

Menurut Mufti Selangor, Datuk Setia Mohd Tamyas Abd Wahid, apa yang berlaku di bumi Palestin ini merupakan peperangan fisabilillah yang mana umat Islam seluruh dunia perlu bersepakat dan membantu umat Islam yang sedang tertindas.

“Tidak kira berlainan kaum dari Malaysia kita tetap perlu memberi bantuan sekadar yang termampu,” katanya.

Beliau berkata, tindakan zalim Israel yang telah membunuh rakyat dan memusnahkan penempatan Palestin di Gaza sangat bertentangan dengan peradaban manusia yang bermoral dan bertamadun. Persoalan yang harus difikir bersama ialah



MOHD TAMYAS ABD WAHID

sampai bila kita hendak melihat nyawa rakyat Palestin terkorban?

“Dalam sesebuah peperangan sepatutnya kaum lemah seperti wanita dan kanak-kanak harus dielakkan dari terbunuh namun apa yang dilakukan Israel ialah membunuh wanita dan kanak-

kanak yang tidak bersalah dan tidak mampu membalas,” tambahnya.

Beliau menyeru agar umat Islam bersatu dan memberi pertolongan apa yang termampu sama ada dari segi kewangan, persenjataan dan ketenteraan. Ini kerana dalam peperangan ianya memerlukan kos yang tinggi dan selemah-lemah bantuan ialah dengan memboikot produk-produk mereka.

Menurut beliau lagi, di Selangor, umat Islam telah mengadakan beberapa kali solat hajat dan qunut Nazilah agar diberikan pertolongan serta kemenangan dari Allah SWT dalam menghadapi kekejaman Israel.

Melihat senario dunia sekarang terutama apa yang dilakukan oleh rejim Zionis dan AS menunjukkan segala doktrin dan tindakan-tindakan dajal telah berlaku. Rejim Zionis dan AS seolah-olah menjadi dajal atau mendapat arahan dari dajal kerana menentang dan cuba menghapuskan Islam di mana sahaja mereka berada.

Sementara itu, bagi Pensyarah Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Ishak Abdul Hamid berpendapat serangan Israel ke atas Semenanjung Gaza merupakan satu simbol keangkuhan yang ingin ditunjukkan oleh Israel dan Amerika Syarikat.

“Mereka ingin menunjukkan kepada dunia bahawa tiada kuasa besar dan setanding yang berani menentang mereka dan dengan bangga membelakangkan suara dunia,” katanya.

AS sekali lagi cuba menjadi polis dunia walaupun telah terbukti mereka sebenarnya langsung tidak layak. Meskipun mereka sering bercakap tentang kedamaian, tetapi realitinya merekalah yang menyebabkan dunia menjadi tidak aman dan mempunyai agenda tersendiri dalam mengekalkan campur tangan di Timur Tengah itu.

Di saat Iraq yang telah musnah akibat peperangan dan penduduk dunia sudah jemu dengan peperangan, sekali lagi mereka mengecam Palestin dan melabelkan Hamas sebagai pengganas, dan Bush terus menakutkan dunia dengan mengatakan Iran akan muncul sebagai ‘negara pengganas’ yang baru untuk mendapat sokongan dunia dalam usaha menentang Iran.

Sesungguhnya inilah sebenarnya azam Bush iaitu membantu rejim Zionis terus berkuasa di Palestin dan memastikan AS terus menguasai dunia dan ekonomi.

Beliau berkata, mengeluarkan semua wang simpanan di dalam bank kepunyaan AS dan memboikot barangan buatan negara berkenaan merupakan satu tanda protes yang sedikit sebanyak menjejaskan ekonomi mereka dan memberi isyarat jelas kepada mereka bahawa rakyat pengguna seluruh dunia memprotes keganasan rejim Zionis terhadap rakyat Palestin dan sokongan AS.

“Ini masanya masyarakat membeli barangan buatan Malaysia dan menjadikan produk Amerika sebagai pilihan terakhir,” katanya.

*(Rujukan fakta dari buku: “Israel; Kenapa Dunia tidak boleh mengiktirafnya)” dan “Rejim Zionis selepas 60 tahun; Penjara jadi Pusara.”)*

## Bermotifkan pembersihan kaum

**KETUA Program Sains Politik, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Dr Mohammad Agus Yusoff berkata, kekejaman yang dilakukan Israel ini bermotifkan pembersihan kaum, di mana mereka mahu menghapuskan generasi rakyat Palestin yang menjadi musuh tradisi mereka. Ia bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.**

“Israel sepatutnya dikutuk dan dipulaukan masyarakat dunia dari

segala aspek hubungan kerana jenayah yang dilakukan adalah bertentangan dengan undang-undang antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata, kegagalan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam beberapa aspek telah melemahkan mereka mengenakan tindakan keras terhadap Israel.

Selain itu, kegagalan komuniti antarabangsa untuk memulakan Israel dan kegagalan negara-negara serantau OIC, Asean, Amerika Latin dan apa saja pertubuhan antarabangsa mengambil tindakan kepada jenayah yang dilakukan Israel turut menyumbang kepada bermaharajalelanya rejim Zionis ini.

“Masyarakat antarabangsa

terpaksa tunduk kepada kuasa besar Amerika Syarikat (AS), manakala kuasa-kuasa besar lain seperti Rusia dan China enggan memberi kerjasama bagi mengimbangi kuasa Amerika Syarikat kerana menjaga kepentingan ekonomi masing-masing.

“Bagaimanapun, kita berbangga dengan kerajaan Malaysia kerana menghulurkan bantuan dalam pelbagai bentuk.

“Apa yang kerajaan lakukan dalam memberi serba-sedikit bantuan kepada mangsa-mangsa serangan di Gaza adalah cara yang betul dan semangat rakyat kita yang sama-sama mengecam tindakan Israel harus dipuji,” katanya.



**Seorang bapa membawa anaknya yang cedera parah ketika serangan kejam Israel.**



## Apa kata mereka?



Apa yang dilakukan oleh Israel dan sekutunya sangat melampau dan tidak boleh dimaafkan.



Kami menyokong penuh tindakan PPIM dan NGO memboikot barangan yang menyokong kekejaman Zionis.

*Azril Mohd Amin, Naib Presiden (Antarabangsa), Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim).*

Boikot barangan Amerika adalah tindakan bijak untuk memberi isyarat kepada



Amerika dan Israel bahawa rakyat seluruh negara membenci kekejaman yang dilakukan. Seluruh rakyat Malaysia harus mendoakan agar Israel mendapat balasan yang setimpal kerana apa yang berlaku ini adalah suatu pelanggaran hak asasi.

*Amir Amsaa Alla Pitchay, Presiden Ikatan Rakyat Insan Muslim Malaysia (IRIMM).*

Menyeru kepada semua agar memberi bantuan kepada rakyat Palestin yang



ditindas dan menyokong boikot barangan Yahudi ini kerana apabila anda membeli barangan mereka umpama melancarkan satu peluru dan menumpahkan darah rakyat Palestin.

*Rahimuddin Md Harun, Timbalan Pengerusi Majlis Permuafakatan Ummah (Pewaris).*

